

## Tiga PPV IPT dibuka minggu depan

Mahani Ishak - Jun 5, 2021 @ 6:21pm  
mahani@bh.com.my



Keadaan di dalam dewan di Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) yang menjadi pusat pemberian vaksin (PPV). - NSTP/Aswadi Alias

KUALA LUMPUR: Tiga Pusat Pemberian Vaksin Institusi Pendidikan Tinggi (PPV IPT) akan mula dibuka seawal minggu depan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, berkata ketiga-tiga PPV IPT itu adalah di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Puncak Alam, Selangor; Universiti Sains Malaysia (USM) serta Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (@AmDI) USM di Pulau Pinang.

Katanya, PPV IPT UiTM Kampus Puncak Alam akan memulakan operasi pada Isnin, manakala PPV IPT USM dan PPV IPT @AmDI akan mula beroperasi pada 14 Jun depan.

"Dewan Berlian, UiTM Kampus Puncak Alam yang menjadi PPV IPT ini mampu menampung kapasiti 1,500 orang pada satu-satu masa.

"Pemberian vaksin berkenaan akan dilaksanakan secara hibrid di mana perkhidmatan pemberian vaksin kepada orang ramai secara pandu lalu turut disediakan," katanya dalam kenyataan, hari ini.



Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad Noraini berkata, pemberian vaksin secara pandu lalu akan dibuat di Hospital UiTM yang terletak di dalam Kampus Puncak Alam.

Bagi menyokong usaha itu, katanya, seramai 200 kakitangan digerakkan yang terdiri daripada petugas barisan hadapan kampus dan petugas kesihatan dari Fakulti Perubatan, Fakulti Pergigian, Fakulti Farmasi dan Fakulti Sains Kesihatan.

"Perkhidmatan sukarelawan yang terdiri daripada staf, pelajar dan alumni juga mendapat sokongan yang menggalakkan.

"PPV IPT UiTM Kampus Puncak Alam ini bakal memberi manfaat yang besar kepada warga Selangor. Operasi pemberian vaksin akan bermula seawal jam 9 pagi hingga jam 8 malam," katanya.

Beliau berkata, bagi PPV IPT USM, pemberian vaksin akan dijalankan di Dewan Peperiksaan A dan B, Kampus Induk, USM.

"Pemberian vaksin ini akan dilaksanakan secara hibrid dengan sasaran 400 hingga 1,000 orang sehari.

"Perkhidmatan pemberian vaksin kepada orang ramai secara pandu lalu turut dirancang bagi kes tertentu seperti orang kurang upaya (OKU)," katanya.

Sementara itu katanya, pemberian vaksin di PPV IPT @AmDI, Bertam akan dibuat di Dewan Al- Azahari, yang mempunyai kapasiti 200 orang pada satu-satu masa dengan sasaran 1,000 orang sehari.

"USM sudah menggerakkan 400 kakitangan iaitu petugas barisan hadapan dan sukarelawan yang terdiri terdiri daripada staf, pelajar dan alumni.

"Kedua-dua PPV IPT di bawah kelolaan USM ini akan memberi manfaat yang besar kepada warga Pulau Pinang. Operasi pemberian vaksin akan bermula seawal jam 9 pagi hingga jam 5 petang," katanya.

Noraini berkata, ketiga-tiga PPV IPT itu adalah sebahagian daripada 19 PPV IPT yang dicadangkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi membantu Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dalam menyediakan akses lebih luas kepada rakyat untuk divaksin.